

“NOSTALGIA MUZIUM NEGARA” PERTANDINGAN KENANGAN MELALUI FOTOGRAFI

PENGENALAN:

Jabatan Muzium Malaysia (JMM) menerusi penganjuran pertandingan ini ingin menggalakkan perkongsian orang ramai khususnya mereka yang pernah mengunjungi Muzium Negara pada suatu ketika dahulu untuk mengabadikan dan berkongsi pengalaman menarik mereka menerusi foto-foto kenangan di Muzium Negara sejak bangunan Muzium Negara mula dibuka secara rasminya pada 31 Ogos 1963 sehingga kini.

SYARAT PENYERTAAN:

1. Peserta hendaklah mematuhi Peraturan PKP
2. Penyertaan adalah percuma.
3. Penyertaan adalah dibahagikan kepada DUA (2) kategori:
 - i) **Warganegara Malaysia yang berusia 18 tahun ke atas**
 - ii) **Warganegara Malaysia yang berusia 18 tahun ke bawah**
4. Kakitangan/bekas kakitangan **JABATAN MUZIUM MALAYSIA (JMM)** tidak dibenarkan menyertai pertandingan ini.
5. Penyertaan adalah secara individu sahaja.
6. Lawatan yang dimaksudkan adalah sama ada lawatan secara individu, berpasangan ataupun berkumpulan (misalnya lawatan bersama keluarga, sekolah, kolej/Institusi Pengajian Tinggi mahupun lawatan bersama kawan-kawan).
7. Foto mestilah disertakan dengan kapsyen yang menceritakan momen tersebut di antara 20-30 patah perkataan sahaja bersama tarikh/tahun lawatan.
8. Karya adalah dalam **BAHASA KEBANGSAAN** atau **BAHASA INGGERIS**
9. Setiap penyertaan hendaklah menggunakan borang yang disediakan oleh penganjur
10. Kaedah penyertaan:
 - i. **‘Like’ laman facebook Muzium Negara**
 - ii. **Muatnaik gambar terbaik (satu keping sahaja) di media sosial**
 - iii. **Tag foto tersebut ke Page Muzium Negara beserta hashtag #nostalgiamuziumnegara**
 - iv. **Isi borang penyertaan menerusi pautan yang diberi**
11. **Naskhah karya pemenang yang terpilih akan dipamerkan secara eksklusif di Muzium Negara.** Pemenang akan dihubungi semula untuk mendapatkan

salinan gambar beresolusi tinggi untuk tujuan pameran (sekiranya perlu). Semua naskhah karya adalah menjadi hak milik **JABATAN MUZIUM MALAYSIA (JMM)** dan JMM berhak menyunting karya untuk tujuan penerbitan ataupun pameran.

12. Keputusan panel hakim adalah **MUKTAMAD**. Keputusan panel hakim adalah MUKTAMAD. Peserta yang terpilih sebagai pemenang akan dihubungi menerusi emel dan panggilan telefon. Hadiah akan disampaikan selepas tempoh PKP berakhir atau bila-bila masa yang difikirkan sesuai oleh pengurusan JMM.
13. Tarikh tutup pertandingan adalah pada **8 Jun 2020** dan peserta yang tidak menerima maklum balas daripada pihak urus setia dua minggu selepas tarikh tutup dianggap tidak berjaya.

HADIAH PERTANDINGAN (BAGI SETIAP KATEGORI)

KEDUDUKAN TEMPAT	HADIAH
Pertama	Wang Tunai RM500 + Sijil Penghargaan
Kedua	Wang Tunai RM300 + Sijil Penghargaan
Ketiga	Wang Tunai RM150 + Sijil Penghargaan
Hadiah-hadiah saguhati (5)	Wang Tunai RM50 + Sijil Penghargaan

*Karya kesemua pemenang akan dipamerkan secara eksklusif menerusi pameran sementara di Muzium Negara pada tarikh yang akan ditetapkan pihak pengurusan tertinggi JMM.

PERTANDINGAN VIDEO PENDEK “KONGSI CERITA KOLEKSI”

PENGENALAN:

Penganjuran pertandingan video pendek ini merupakan sebuah manifestasi penghargaan yang diberikan Jabatan Muzium Malaysia (JMM) kepada orang ramai khususnya pengumpul atau penggemar koleksi atau barangan klasik/antik di Malaysia. Ia juga sebagai suatu inisiatif untuk menggalakkan hobi mengumpul koleksi barang-barang unik/klasik dalam kalangan rakyat Malaysia.

TERMA DAN SYARAT:

1. Peserta hendaklah mematuhi Peraturan PKP
2. Penyertaan adalah percuma.
3. Terbuka kepada **Warganegara Malaysia yang berusia 18 tahun ke atas**
4. Kakitangan/bekas kakitangan **JABATAN MUZIUM MALAYSIA (JMM)** tidak dibenarkan menyertai pertandingan ini.
5. Jenis koleksi mestilah berkaitan sejarah, budaya dan warisan negara (misalnya keris, tekstil, barangan tembaga, seramik, alam semulajadi)
6. Video mestilah dalam **BAHASA KEBANGSAAN** atau **BAHASA INGGERIS** dan **DILARANG** sama sekali menyentuh sebarang isu sensitiviti, perkauman, politik dan agama.
7. Format video adalah:
 - i. Durasi selama 5-8 minit
 - ii. Mempunyai kualiti video dan audio yang baik
 - iii. Format MP4 dengan resolusi 720p-1080p menggunakan telefon bimbit.
8. Karya mestilah **ASLI** dan belum pernah diterbitkan di sebarang platform media sosial atau televisyen.
9. Rakaman video hendaklah dilaksanakan di kediaman masing-masing bersama-sama dengan koleksi yang telah dipilih.
10. Penceritaan mestilah jelas, ringkas dan padat serta sesuai untuk semua golongan.
11. Peserta hanya boleh menghantar **SATU** penyertaan sahaja.

12. Semua hasil karya yang diterima menjadi **HAK MILIK JABATAN MUZIUM MALAYSIA (JMM)** dan pihak JMM berhak menggunakan bahan tersebut dalam apa jua program yang dirasakan bersesuaian.
13. Peserta boleh menghantar hasil karya bermula 19 April hingga 8 Jun 2020.
14. Kaedah penyertaan:
- i. Isi borang penyertaan yang boleh diperolehi menerusi laman rasmi www.jmm.gov.my
 - ii. Hantarkan foto/video anda beserta borang penyertaan ke emel **pr.muzium2@gmail.com** (BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT, JABATAN MUZIUM MALAYSIA)
15. Keputusan panel hakim adalah MUKTAMAD. Peserta yang terpilih sebagai pemenang akan dihubungi menerusi emel dan panggilan telefon. Hadiah akan disampaikan selepas tempoh PKP berakhir atau bila-bila masa yang difikirkan sesuai oleh pengurusan JMM.
16. Tarikh tutup pertandingan adalah pada **8 Jun 2020** dan peserta yang tidak menerima maklum balas daripada pihak urus setia dua minggu selepas tarikh tutup dianggap tidak berjaya.

HADIAH PERTANDINGAN

KEDUDUKAN TEMPAT	HADIAH
Pertama	Wang Tunai RM1000 + Sijil Penghargaan
Kedua	Wang Tunai RM800 + Sijil Penghargaan
Ketiga	Wang Tunai RM500 + Sijil Penghargaan
Hadiah suguhati (5 pemenang)	Wang Tunai RM100 + Sijil Penghargaan

KUIZ #TEKA KOLEKSI

PENGENALAN:

Kuiz ini dianjurkan Jabatan Muzium Malaysia (JMM) bersempena Muzium Dalam Talian susulan pelaksanaan tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Kuiz ini bertujuan memperkenalkan semula koleksi-koleksi tradisional yang menjadi warisan masyarakat Malaysia agar tidak lapuk ditinggal zaman. Wadah ini menjadi satu ruang perkongsian bagi orang ramai untuk meneka sambil mengenang semula nostalgia masa lalu. Ia dibuat dalam bentuk kuiz mingguan bagi menarik penyertaan dan penglibatan orang ramai menerusi tawaran hadiah yang menarik setiap minggu.

SYARAT PENYERTAAN:

1. Peserta hendaklah mematuhi Peraturanan PKP.
2. Penyertaan adalah percuma.
3. Terbuka kepada semua Warganegara Malaysia yang memiliki akaun Facebook yang sah tanpa mengira had umur.
4. Kakitangan/bekas kakitangan **JABATAN MUZIUM MALAYSIA (JMM) atau mana-mana MUZIUM NEGERI/SWASTA/INSTITUSI** tidak dibenarkan menyertai pertandingan ini.
5. Peserta dikehendaki 'like' facebook Jabatan Muzium Malaysia dan teka nama dan fungsi koleksi di ruangan komen. Hanya satu jawapan yang tepat dari seorang peserta akan diterima. Sekiranya terdapat lebih dari satu jawapan yang betul, Jabatan Muzium Malaysia (JMM) berhak menentukan pemenang. Namun, sekiranya tiada jawapan tepat yang diperolehi, kuiz mingguan pada minggu tersebut dianggap tiada pemenang.
6. Tiada borang penyertaan yang perlu diisi untuk peraduan kuiz mingguan ini.
7. Keputusan panel hakim adalah MUKTAMAD. Pemenang akan diumumkan di Facebook rasmi Jabatan Muzium Malaysia. Hadiah akan disampaikan selepas tempoh PKP berakhir atau bila-bila masa yang difikirkan sesuai oleh pengurusan JMM.

HADIAH PERTANDINGAN (MINGGUAN)

1. Pemenang yang terpilih dengan jawapan yang paling tepat akan memenangi wang tunai RM100 + Sijil Penghargaan